

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 hari yang telah ditetapkan beliau untuk setiap menteri kabinetnya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 hari Ahli Jemaah Menteri atau kini dikenali sebagai Aspirasi Keluarga Malaysia adalah merupakan satu konsep baharu yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menunjukkan komitmen serta kesungguhan tinggi beliau melalui tiga prinsip utama iaitu peka dengan keperluan semasa, bertanggungjawab dan amanah selain mengembalikan semula keyakinan rakyat.

2. Penetapan Aspirasi Keluarga Malaysia adalah berlandaskan kepada enam (6) Teras Utama yang telah dikenalpasti iaitu:

- a) Menstruktur Semula Ekonomi;
- b) Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Negara;
- c) Meningkatkan Kesejahteraan Sosial;
- d) Mempertingkatkan Infrastruktur Menyeluruh;
- e) Memperkukuh Penyatuan dalam Acuan Keluarga Malaysia;
dan
- f) Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan.

3. Penetapan aspirasi juga memfokus kepada perkhidmatan utama Kementerian dan Agensi yang berada di bawah tanggungjawab setiap Menteri berkenaan.

4. Kesemua 31 Ahli Jemaah Menteri telah mencadangkan senarai aspirasi masing-masing dan dibentangkan dalam Sesi Pemuktamadan Senarai Aspirasi Keluarga Malaysia yang diadakan pada 23 September dan 29 September 2021 yang lalu. Senarai terperinci kesemua aspirasi yang telah dimuktamadkan akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Kementerian masing-masing.

5. Prestasi setiap Ahli Jemaah Menteri pula akan dinilai berdasarkan tiga elemen utama iaitu Penilaian Prestasi Kementerian/Jabatan, Penilaian Kepimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif, serta Penilaian Persepsi Awam. Ahli Jemaah Menteri juga perlu mengumumkan Kad Laporan Pencapaian kepada rakyat pada hari ke 100 hari pemerintahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana sasaran pemilihan ekuiti 30% Bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) dikira dan sama ada sasaran dan pendekatan Modal Ekonomi Baru (NEM) akan diterima pakai.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mensasarkan pencapaian pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah sekurang-kurangnya 30%. Sasaran ini diteruskan dalam Model Ekonomi Baru dan diteruskan hingga RMKe-12. Walau bagaimanapun, sasaran pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih belum tercapai setakat ini.

2. Statistik yang digunakan bagi menganggarkan pemilikan ekuiti semasa DEB adalah berdasarkan kepada pegangan modal saham atau "*share capital*" hanya bagi syarikat tersenarai di Semenanjung Malaysia sahaja.

3. Bermula tahun 2008 sehingga tahun 2019, pengiraan pemilikan ekuiti adalah berdasarkan pegangan modal saham syarikat bagi syarikat tersenarai dan syarikat tidak tersenarai di seluruh Malaysia. Sumber data syarikat yang digunakan diperolehi daripada laporan tahunan dan penyata kewangan syarikat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bursa Malaysia. Seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan RMKe-12, pemilikan ekuiti sektor korporat berasaskan nilai pasaran pada tahun 2019 bagi pegangan Bumiputera adalah 17.2%, bukan Bumiputera 25%, asing 45.5% dan nomini 12.3%.

Sekian, terima kasih.